

# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANISATION ANTI CORRUPTION PLAN (OACP)  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

2023 - 2027



OACP

# **PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)**

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)

**2023 - 2027**



Perutusan <b>Tuan Yang Dipertua</b>	3
<b>Ringkasan</b> Eksekutif	4
Pengurusan Tertinggi <b>Majlis Perbandaran Selayang</b>	5-7
<b>Carta Organisasi</b> Jawatankuasa OACP, MPS	8
<b>Pengesahan</b> OACP MPS dari SPRM	9
<b>BAB 1</b>	
1.1 Latar Belakang	12
1.2 Visi, Misi, Moto & Objektif MPS	12-13
1.3 Carta Organisasi	14
<b>BAB 2</b>	
2.1 Isu Dan Cabaran Menangani Rasuah	16
2.2 Pembangunan Pelan OACP MPS	16
2.3 Analisis Data Persekitaran Dan Penilaian Risiko	17
<b>BAB 3</b>	
3.1 Visi, Misi dan Matlamat OACP MPS	24
3.2 Bidang-Bidang Keutamaan Berisiko	24
3.3 Ringkasan Kerangka OACP MPS 2023-2027	24
3.4 Strategi Dan Objektif Strategik	25
3.5 Pelan Tindakan OACP MPS	26
<b>BAB 4</b>	
4.1 Mekanisma Pelaksanaan	32
4.2 Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan Dan Penilaian	32
4.3 Format Pelaporan OACP, MPS	33
<b>BAB 5</b>	
Kesimpulan	34
Penghargaan	35

# **PERUTUSAN TUAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat sejahtera.**

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Majlis Perbandaran Selayang berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Perbandaran Selayang (MPS) 2023 - 2027 dengan jayanya.

Pelan ini telah dirangka dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai panduan kepada warga kerja MPS serta pihak berkepentingan dalam usaha pemantapan tadbir urus, integriti dan antirasuah agar setiap aktiviti yang dilaksanakan sentiasa patuh kepada peraturan serta bebas daripada rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Berkesinambungan dari Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang telah dilancarkan pada 29 Januari 2019, matlamat utamanya adalah untuk memastikan pengurusan pentadbiran Kerajaan bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta mencapai aspirasi nasional iaitu “Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”.

Justeru, saya berharap dengan pelaksanaan OACP MPS ini bakal mewujudkan satu budaya kerja yang berintegriti, antirasuah dan beretika kepada warga MPS khususnya. Perancangan seumpama ini hendaklah dilaksanakan dengan komitmen yang tinggi di semua peringkat. Semoga kesemua 21 pelan tindakan yang dirancang dapat dilaksanakan sepetimana tempoh yang dijanjikan.

Akhir kata, saya menyeru kepada semua pihak khususnya warga kerja Majlis Perbandaran Selayang bersama-sama berganding bahu dalam menjadikan organisasi ini sentiasa bebas daripada amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa serta bertindak dengan lebih integriti dalam apa juar tindakan.

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Perbandaran Selayang dihasilkan dengan komitmen berterusan daripada dua puluh (20) jabatan/bahagian/unit di bawah Majlis Perbandaran Selayang untuk memperkuatkan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam kalangan warga kerja melalui pelaksanaan tindakan preventif dan proaktif seperti mana yang digariskan di bawah pelan tersebut.

Objektif utama pembangunan OACP ini adalah untuk meningkatkan imej Majlis Perbandaran Selayang sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat secara khususnya.

Dokumen ini terdiri daripada empat bidang keutamaan iaitu Pentadbiran dan Sumber Manusia, Perolehan dan Kewangan, Penguatkuasaan dan Undang-Undang dan seterusnya Perancangan dan Pembangunan yang mana setiap bidang keutamaanya bertindak untuk memperkasakan usaha pencegahan rasuah secara kesuluruhannya.

Matlamat pelan ini juga adalah selaras dengan objektif Pelan Antirasuah Nasional yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri ke -7 dan arahan YAB Perdana Menteri No.1 tahun 2018 Siri 2, No.1 Tahun 2019 yang berkaitan Pemantapan Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia : Pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi. OACP merupakan dokumen yang boleh meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam proses pentadbiran kerajaan sekaligus mengurangkan amalan rasuah penyelewengan dan salah guna kuasa selain meningkatkan imej negara sebagai sebuah negara yang bebas rasuah dan berintegriti.

## PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG



**TUAN MOHD YAZID BIN SAIFI S.I.S**  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG



**TUAN IR. HAJI CHEREMI BIN HAJI TARMAN**  
S.I.S., A.I.S., P.P.T., P.M.C  
SETIAUSAHA / TIMBALAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG



**TUAN HJ.AZ'HAR  
BIN SAMSURI**  
Pengarah  
Jabatan Perbendaharaan



**ENCIK ABDUL RAZAK  
BIN AHMAD**  
Pengarah  
Jabatan Perundangan



**ENCIK MOHAMAD ZIN  
BIN MASOAD**  
Pengarah  
Jabatan Korporat



**PUAN MAZURAH  
BINTI MOHAMED**  
Pengarah  
Jabatan Khidmat Pengurusan



**TUAN IR. HJ.SHAIFUL NOR  
AIDIL BIN MOHD JAYA**  
Pengarah Jabatan Kejuruteraan



**PUAN SR. NORSHIMA  
BINTI NORZLAN**  
Pengarah Jabatan Penilaian dan  
Pengurusan Harta



**ENCIK AHMAD FAISAL BIN  
BADIUZAMAN**  
Pengarah Jabatan Penguatkuasa  
dan Keselamatan



**PUAN ZULAINA BINTI ABU TALIB**  
Pengarah  
Jabatan Pelesenan



O  
A  
C  
P

## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANISATION ANTI CORRUPTION PLAN (OACP)  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)  
2023 - 2027



**PUAN TPr. NORIZA BINTI  
BAHARI**  
Pengarah  
Jabatan Perancang Bandar



**PUAN RUSNI BIN  
ABDULLAH@LONG**  
Pengarah  
Jabatan Bangunan



**TUAN LAR. MOKHTAR AFFANDI  
BIN ABD GHANI**  
Pengarah Jabatan Lanskap



**PUAN NORHAYATI BINTI AHMAD**  
Pengarah  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal  
dan Kesihatan



**ENCIK AFFENDEI BIN  
SAMINGAN**  
Pengarah Jabatan  
Pembangunan Masyarakat



**ENCIK HAIRUDIN BIN DAUD**  
Pengarah  
Jabatan Audit Dalam



**ENCIK HASMAWI BIN MAT  
JUNIT**  
Pengarah  
Jabatan Teknologi Maklumat



**PUAN ZANARIAH BINTI MD ZIN**  
Pengarah  
Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan



**TUAN Sr. MOHD ASRAF BIN  
MAT YAVID**  
Pengarah  
Jabatan Pesuruhjaya Bangunan



**ENCIK SHAMSUL AZLAN BIN  
MOHAMAD ANUAR**  
Pengarah  
Jabatan Pusat Setempat



**ENCIK MOHD NASRUL BIN  
SAHRAN**  
Ketua Bahagian  
Bahagian Urus Setia



**ENCIK ROZAIHAN BIN RAMLI**  
Ketua Unit Integriti

## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANISATION ANTI CORRUPTION PLAN (OACP)

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)

2023 - 2027



## JAWATANKUASA PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG






## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANISATION ANTI CORRUPTION PLAN (OACP)  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)  
2023 - 2027

### CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG



## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANISATION ANTI CORRUPTION PLAN (OACP)  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)  
2023 - 2027



## PENGESAHAN PELAN OACP MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG DARI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)



SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA  
NEGERI SELANGOR  
LOT 1, PERSIARAN SELANGOR  
SEKSYEN 16  
40200 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel. : 03-5525 6500  
Faks : 03-5525 6515  
Website : <http://www.sprm.gov.my>



Rujukan: SPRM/SEL(S) 600-1/10

Tarikh: 25 Julai 2022  
Zulhijah 1443

Ketua Unit Integriti  
Majlis Perbandaran Selayang  
Menara MPS  
Persiaran 3, Bandar Baru Selayang  
68100 Batu Caves  
Selangor Darul Ehsan

Tuan,

### PERMOHONAN UNTUK PENGESAHAN BAGI PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan No.Rujukan: MPS.INT.100-8/1/10(34) bertarikh 22 Julai 2022 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, pengesahan terhadap Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) hendaklah dibuat oleh Pengurusan Tertinggi organisasi sendiri berdasarkan klausula 6.2.4 Mendapatkan Pengesahan dan Persetujuan Pengurusan Tertinggi di dalam Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2 No. 1 Tahun 2019. Walaubagaimanapun pihak SPRM membantu dalam membuat semakan terhadap format dan kriteria yang diperlukan di dalam pembangunan OACP.

3. Sesi Pemurnian OACP Majlis Perbandaran Selayang telah pun dilaksanakan di antara Unit Pemeriksaan dan Perundingan SPRM Negeri Selangor dan Unit Integriti Majlis Perbandaran Selayang pada 10 Jun 2022.

4. Sehubungan dengan itu, pihak SPRM Negeri Selangor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kerana telah berjaya menyediakan OACP mengikut format dan kriteria yang telah ditetapkan. Kerjasama dan komitmen tinggi yang telah diberikan oleh pihak tuan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalinkan amanah,

(DATO' HAJI ALIAS BIN SALIM) TPj

Pengarah

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia  
Negeri Selangor

RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA  
ABHOR CORRUPTION, UPHOLD PRIDE



# BAB 1

## PENGENALAN

- 1.1** LATAR BELAKANG
- 1.2** VISI, MISI, MOTO & OBJEKTIF MPS
- 1.3** CARTA ORGANISASI



## 1.1 LATAR BELAKANG MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) terletak di Daerah Gombak yang merupakan pintu masuk ke Negeri Selangor di sebelah timur laut. Ia terletak bersempadan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) di sebelah barat, Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) di sebelah utara dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di sebelah barat daya. Keseluruhan kawasan pentadbiran MPS ialah 545.6 kilometer persegi yang meliputi tiga mukim iaitu Mukim Rawang (263 kilometer persegi), Mukim Batu (154 kilometer persegi) dan Mukim Setapak (128 kilometer persegi).

Penduduknya berjumlah 770,630 orang dengan Mukim Batu mencatatkan peratusan tertinggi sebanyak 60.9 peratus (385,288 orang), Mukim Rawang 29.5 peratus (299,095 orang), dan sebahagian Mukim Setapak sebanyak 9.6 peratus (86,247 orang). Aktiviti ekonomi di kawasan MPS adalah sektor perindustrian, perusahaan dan pertanian.

Sebanyak 33 peratus kawasan MPS merupakan kawasan hutan simpan dan rekreasi dan di sini terletaknya Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Empangan Batu dan taman-taman rekreasi rimba, kawasan tadahan hujan dan kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

Kawasan pentadbiran MPS mempunyai tarikan yang tersendiri dengan adanya destinasi pelancongan alam semula jadi yang menarik seperti Gua Batu Caves, Kolam Air Panas Selayang, Hutan Lipur Kanching, Taman Rimba Komanwel, Hutan Lipur Ulu Yam dan Tasik Biru Kundang.

Terdapat 8 buah bandar utama dalam pentadbiran MPS iaitu Bandar Baru Selayang, Bandar Baru Rawang, Batu Arang, Taman Seri Gombak, Bandar Tasik Puteri, Bandar Baru Kundang, Batu Caves dan Bandar Country Homes. Pertumbuhan bandar-bandar baru ini dilihat sebagai satu perkembangan yang positif kepada MPS. Usaha pembangunan akan terus dilaksanakan oleh MPS tanpa menjaskan kualiti alam sekitar.

## 1.2 VISI, MISI DAN MOTO MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

### VISI

**Majlis Perbandaran Selayang Peneraju Pengurusan Cemerlang Ke Arah Perbandaran Mampan.**

### MISI

**Memperkasa Pengurusan Perbandaran Kepada Seluruh Warga Selayang Melalui Perkhidmatan Bertaraf 5 Bintang Ke Arah Pembentukan Komuniti Sejahtera.**

### MOTO


**“MAMPAN, PROGRESIF, SEJAHTERA”**



## OBJEKTIF MPS

- Memberi dan meningkatkan perkhidmatan perbandaran;
- Menyedia dan menyelenggara kemudahan infrastruktur;
- Menyusun dan mengawasi pembangunan melalui kawasan pembangunan yang teratur serta terancang;
- Menyedia dan menyelenggara kemudahan taman dan rekreasi;
- Mewujudkan suasana kecantikan kawasan selaras dengan objektif untuk menjadikan kawasan Majlis sebagai “Kawasan Taman Dalam Bandar”;
- Mengeratkan perpaduan di antara rakyat di samping mewujudkan masyarakat yang bertanggungjawab dan berdisiplin;
- Memainkan peranan di dalam usaha Kerajaan Negeri untuk menarik aspek perindustrian, perancangan perumahan kos rendah dan program-program menggiatkan pelancongan.

### 1.3 CARTA ORGANISASI MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG



## BAB 2

### ISU DAN CABARAN

- 2.1** Isu Dan Cabaran Menangani Rasuah
- 2.2** Pembangunan Pelan OACP MPS
- 2.3** Analisis Data Persekitaran Dan Penilaian Risiko



### 2.1 ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH

Pada tahun 2020, kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) yang dikeluarkan oleh Transparency International telah merosot sebanyak 6 tangga ke kedudukan ke-57 berbanding tahun 2019 iaitu di kedudukan ke-51. Sehubungan dengan itu, masih banyak lagi perkara yang perlu diperbaiki dalam agenda untuk meningkatkan integriti rakyat, memperbetulkan tadbir urus negara dan memerangi rasuah.

Data Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap penglibatan penjawat awam dalam kes rasuah menunjukkan sebanyak 1100 tangkapan kes rasuah telah dilakukan pada tahun 2019, 525 kes adalah daripada penjawat awam. Daripada 525 kes, sebanyak 288 kes telah dihadapkan pertuduhan dan sebanyak 104 telah disabitkan dengan kesalahan rasuah. Sebanyak 47.6% kes rasuah berlaku dalam kalangan penjawat awam sepanjang lima (5) tahun ini. Daripada jumlah ini, sebanyak 72.3% kes adalah daripada kumpulan pelaksana dan 52.6% kes adalah melibatkan individu yang berumur 40 tahun ke bawah.

Selain itu, berdasarkan surat berujukan SPRM.BPIA.600-9/3/1 Jld.5 (84) bertarikh 8 Mac 2021 pemakluman penarafan semula risiko rasuah yang dilaksanakan oleh SPMR pada tahun 2020 terhadap Majlis Perbandaran yang diterima daripada BPIA, MPS telah berada dalam kategori risiko TINGGI.

### 2.2 PEMBANGUNAN PELAN OACP MPS

Sepanjang sesi pembangunan OACP MPS berlangsung, pelbagai data dan maklumat telah dianalisa bagi menentukan risiko dan bidang-bidang yang perlu diberi tumpuan oleh jabatan/bahagian/unit dalam tempoh lima (5) tahun ke hadapan. MPS telah melaksanakan Corruption Risk Management (CRM) bagi mengenalpasti risiko-risiko berkaitan tadbir urus, integriti dan antirasuah di MPS yang berupaya menjelaskan penyampaian perkhidmatan dan imej organisasi.

#### Antara mekanisme yang digunakan adalah seperti berikut :

Pelaksanaan Taklimat (*Corruption Risk Management*) (CRM).

Satu Taklimat Pengurusan Risiko Rasuah bagi Penyediaan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) telah dijalankan selama dua (2) hari bermula pada 07 Mac 2022 sehingga 08 Mac 2022 yang melibatkan pengurusan tertinggi daripada semua jabatan, bahagian dan unit yang mana telah dikendalikan dengan bantuan pihak SPMR.

Pelaksanaan Taklimat Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).

Taklimat Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) telah berlangsung selama dua (2) hari bermula pada 31 Mei 2022 sehingga 01 Jun 2022. Seramai dua puluh (20) orang pegawai Kanan MPS yang merupakan Ahli Jawatankuasa Pembangunan OACP MPS telah hadir bagi menjayakan objektif taklimat tersebut.

Pengemaskinian dan pengukuhan hasil dapatan risiko-risiko tadbir urus, integriti dan antirasuah semasa Sesi Perbincangan Penyediaan Draf Strategi dan Pemurnian Pelan Tindakan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) bersama pihak SPMR Negeri Selangor telah dilaksanakan pada 10 Jun 2022 bagi memastikan setiap inisiatif/pelan tindakan tersebut mencapai objektif OACP yang telah disasarkan.

Data-data Dalaman organisasi seperti berikut:

- I. Laporan Kes Tatatertib
- II. Aduan Integriti
- III. Laporan Audit Negara
- IV. Kaji Selidik Rasuah, Tadbir Urus dan Integriti kepada warga MPS

Data-data daripada agensi luar seperti berikut:

- I. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM),
- II. Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN) 2.0


Input yang diperoleh melalui sesi libat urus langsung bersama-sama pegawai-pegawai kanan Jabatan/bahagian/unit.

## 2.3 ANALISIS DATA PERSEKITARAN DAN PENILAIAN RISIKO

Pelbagai sumber data dan maklumat telah diberi perhatian dalam usaha mengenal pasti risiko-risiko berkaitan tadbir urus, integriti dan rasuah di Majlis Perbandaran Selayang. Perkara ini sangat penting bagi memastikan MPS berada di tahap terbaik dari sudut penyampaian perkhidmatan dan imej organisasi.


Justeru itu, Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MPS telah ditubuhkan bagi menganalisa beberapa data yang berkaitan sumber dalaman dan luaran bagi membantu mengenalpasti risiko yang berupaya menjadi penyumbang ke arah kelemahan tadbir urus, integriti dan rasuah. Data-data yang dikaji diperolehi daripada Maklumat Rasuah MPS daripada SPRM, Laporan Tatatertib, Laporan Aduan Salah Laku , Laporan Pengurusan Audit Dalam dan Laporan Ketua Audit Negara, Kaji Selidik Berkaitan isu rasuah, tadbir urus dan integriti dan Laporan Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN) bagi tempoh lima (5) tahun bermula tahun 2017 sehingga 2021.

Hasil dapatan kajian dan analisi tersebut, risiko dalaman dan luaran telah dikenalpasti bagi menentukan sebarang bentuk ancaman dan peluang yang berpotensi menyebabkan berlakunya perlakuan salah laku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam kalangan warga kerja MPS. Pelan tindakan penambahan dan inisiatif tambahan juga telah diwujudkan dan akan dilaksanakan terutamanya dari segi pemantapan program kesedaran yang dapat mengurangkan risiko antirasuah, isu integriti dan tadbir urus dalam organisasi.




### 2.3.1 LAPORAN TATATERTIB WARGA MPS

Berdasarkan statistik kesalahan tatatertib pegawai MPS bagi tempoh lima (5) tahun bermula tahun 2017 sehingga 2021, terdapat 28 kes mengikut kesalahan dan pelanggaran tatatertib.



### 2.3.2 LAPORAN ADUAN INTEGRITI

Berdasarkan laporan aduan integriti yang diterima oleh Jabatan Korporat MPS melalui sistem aduan STARS berkaitan Integriti sepanjang lima (5) tahun bermula tahun 2017 sehingga 2021, terdapat 41 aduan.



### 2.3.2 LAPORAN AUDIT NEGARA

Berikut merupakan Penemuan Audit berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara bagi tempoh lima (5) tahun bermula tahun 2017 sehingga 2021, terdapat 53 penemuan.

**2017**



■ PENG AUDITAN TERHADAP PENGURUSAN PEROLEHAN DI MPS (33)

■ LAPORAN PENG AUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (0)

■ PENG AUDITAN PEMATUHAN TERHADAP TERIMAAN DAN CAJ PEMAJUAN DI MPS (0)


**2018**

■ PENG AUDITAN TERHADAP PENGURUSAN PEROLEHAN DI MPS (0)

■ LAPORAN PENG AUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (0)

■ PENG AUDITAN PEMATUHAN TERHADAP TERIMAAN DAN CAJ PEMAJUAN DI MPS (0)

**2019**



■ PENG AUDITAN TERHADAP PENGURUSAN PEROLEHAN DI MPS (0)

■ LAPORAN PENG AUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (15)

■ PENG AUDITAN PEMATUHAN TERHADAP TERIMAAN DAN CAJ PEMAJUAN DI MPS (0)

**2020**



■ PENG AUDITAN TERHADAP PENGURUSAN PEROLEHAN DI MPS (0)

■ LAPORAN PENG AUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (0)

■ PENG AUDITAN PEMATUHAN TERHADAP TERIMAAN DAN CAJ PEMAJUAN DI MPS (5)

**2021**

■ PENG AUDITAN TERHADAP PENGURUSAN PEROLEHAN DI MPS (0)

■ LAPORAN PENG AUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (0)

■ PENG AUDITAN PEMATUHAN TERHADAP TERIMAAN DAN CAJ PEMAJUAN DI MPS (0)

### 2.3.3 LAPORAN SPRM BERKAITAN MPS

Berdasarkan Statistik Maklumat Majlis Perbandaran Selayang (MPS) mengikut kesalahan bagi tahun 2016 hingga 2021 yang disediakan oleh Unit Statistik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

STATISTIK MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS) DARI TAHUN 2016 HINGGA 2021						
TAHUN	MAKLUMAT	KERTAS SIASATAN	KERTAS PENYIASATAN AWAL	TANGKAP	TUDUH	SABIT
2016	7	0	1	0	0	0
2017	8	0	3	0	0	0
2018	16	0	6	0	0	0
2019	15	1	5	1	0	0
2020	19	1	2	0	0	0
2021	19	4	0	1	1	1
JUMLAH	84	6	17	2	1	1

\* Kesemua data diperolehi melalui CRIS

\* Tidak mengambil kira tangkapan semula bagi maksud pertuduhan di mahkamah (Keputusan Mesyuarat Bulanan Pengarah-Pengarah SPRM Bil.2 Tahun 2017)

STATISTIK MAKLUMAT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS) MENGIKUT KESALAHAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2021									
TAHUN	ASPRM 2009/APR 1997					AMLA	Kanun Keseksaan	Lain-Lain	JUMLAH
	Terima Rasuah	Beri Rasuah	Tuntutan Palsu	Salahgunakuasa	Sistem dan Prosedur				
2016	2	0	0	0	0	0	0	5	7
2017	1	0	0	1	0	0	0	6	8
2018	1	0	0	5	0	0	0	10	16
2019	5	0	1	0	0	0	0	9	15
2020	5	0	2	2	0	0	0	10	19
2021	3	0	4	3	0	0	1	8	19

\* Kesemua data diperoleh melalui CRIS

### 2.3.4 LAPORAN SISTEM PENGURUSAN AMALAN NILAI (SPAN) 2.0

Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN 2.0) adalah proses pengurusan nilai bersepada merangkumi tiga (3) komponen utama iaitu Pengurusan Program Nilai, Pengauditan Nilai dan Intervensi Nilai secara terancang untuk memantapkan pembudayaan nilai di dalam Perkhidmatan Awam. Penekanan dalam amalan nilai murni melalui pengurusan amalan nilai yang komprehensif akan menyumbang kepada pemerkasaan pegawai awam, seterusnya peningkatan keupayaan mereka dalam penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, produktif dan berintegriti khususnya di peringkat Majlis Perbandaran Selayang. Bagi tahun 2021 telah mendapat 89.75 % indeks komposit dan 43 skala kejujuran.

NILAI IDEAL

90.69%

NILAI PERIBADI

87.35%

NILAI ORGANISASI

85.77%

MAKLUM BALAS PELANGGAN


84.49%

\* Indeks Komposit Keseluruhan MPS Mendapat 89.75%

- █ NILAI IDEAL
- █ NILAI PERIBADI
- █ NILAI ORGANISASI
- █ MAKLUM BALAS PELANGGAN

### 2.3.5 LAPORAN KAJIAN SOAL SELIDIK INTEGRITI


Unit Integriti telah menjalankan satu kajian soal selidik yang bertujuan untuk mengukur persepsi dan pandangan warga MPS daripada pelbagai gred berhubung isu rasuah, tadbir urus dan integriti di MPS. Seramai 716 responden yang telah menjawab soal selidik tersebut.



RASUAH :

ADAKAH JAWATAN ANDA SEKARANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG DENGAN ORANG AWAM/PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDERS) YANG LAIN?






### TADBIR URUS :

ADAKAH UNDANG-UNDANG, POLISI & DASAR,  
PERATURAN, PEKELILING, ARAHAN, PERINTAH  
TETAP, GARIS PANDUAN, *STANDARD  
OPERATING PROCEDURE* DAN SENARAI TUGAS  
TERSEBUT SELARI DENGAN TUGAS DAN  
TANGGUNGJAWAB YANG DILAKUKAN DI  
ORGANISASI ANDA?

 YA  
 TIDAK



### INTEGRITI :

PADA PENDAPAT ANDA, ADAKAH MAJIKAN  
ANDA MENGAMBIL TINDAKAN TATATERTIB  
KE ATAS PEGAWAI YANG MELAKUKAN  
KESALAHAN TATAKELAKUAN?

 YA  
 TIDAK

## BAB 3

# MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

- 3.1** Kerangka Utama OACP MPS
- 3.2** Bidang-Bidang Keutamaan Berisiko
- 3.3** Ringkasan Kerangka OACP MPS 2023-2027
- 3.4** Strategi Dan Objektif Strategik
- 3.5** Pelan Tindakan OACP MPS
- 3.6** Piagam Integriti MPS

ANTI  
CORRUPTION

### 3.1 VISI, MISI & MATLAMAT

**VISI - Kearah melahirkan warga Majlis Perbandaran Selayang yang berintegriti tinggi dan bebas rasuah**

**MISI - Memperkasakan Tadbir Urus, Integriti Dan Antirasuah melalui pengukuhan bagi pematuhan terhadap undang-undang, peraturan serta arahan yang berkuatkuasa**

**MATLAMAT - Membudayakan amalan integriti dalam penyampaian perkhidmatan di Majlis Perbandaran Selayang**

### 3.2 BIDANG-BIDANG KEUTAMAAN BERISIKO



PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA



PEROLEHAN DAN KEWANGAN



PENGUATKUASAAN DAN UNDANG-UNDANG



PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN

### 3.3 RINGKASAN KERANGKA OACP MPS 2023-2027

21

Pelan Tindakan

4

Bidang Keutamaan

4

Objektif Strategik

4

Strategi

### **3.4 STRATEGI DAN OBJEKTIF STRATEGIK OACP MPS 2023-2027**

#### **STRATEGI 1 :**

Memantapkan Kompetensi dan Integriti dalam Tadbir Urus yang Cemerlang

#### **OBJEKTIF STRATEGIK :**

Memperkasakan Sistem Tadbir Urus Pengurusan Organisasi



#### **STRATEGI 2 :**

Memperkasakan Pengurusan Kewangan Bagi Mengukuhkan Akauntabiliti Dan Integriti Dalam Perolehan Awam

#### **OBJEKTIF STRATEGIK :**

Mempertingkatkan dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeliling berkaitan perolehan dan kewangan.



#### **STRATEGI 3 :**

Memperkuatkukan Integriti Dan Kredibiliti Dalam Penguatkuasaan Undang-Undang

#### **OBJEKTIF STRATEGIK :**

Memperkuatkukan dan memantau tindakan penguatkuasaan.



#### **STRATEGI 4 :**

Memantapkan Kecekapan Dan Ketelusan Perancangan Dan Perkhidmatan Perbandaran Yang Mampan

#### **OBJEKTIF STRATEGIK :**

Menambahbaik Sistem Kerja Dalam Usaha Penyampaian Perkhidmatan Yang Lebih Efisien



## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANISATION ANTI CORRUPTION PLAN (OACP)  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)  
2023 - 2027

### 3.5 PELAN TINDAKAN OACP MPS

#### PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG 2023-2027

BIDANG KEUTAMAAN 1: PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA			
STRATEGI (S1)	Memantapkan Kompetensi Dan Integriti Dalam Tadbir Urus Yang Cemerlang		
OBJEKTIF STRATEGIK (OS1)	Memperkasakan Sistem Tadbir Urus Pengurusan Organisasi		
BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
PT 1	Melaksanakan pusingan kerja bagi jawatan sensitif di setiap Jabatan/ Bahagian/ Unit.	Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan	3 Tahun Sekali (2023-2025)
PT 2	Melaksanakan Latihan yang komprehensif berkaitan Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Dan Pengurusan Sumber Manusia Bersama Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.	Unit Dasar, Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun Sekali 2023-2025
PT 3	Melaksanakan Naziran/ <i>Mystery Shopping</i> bagi Proses Pelantikan, Penempatan dan Penamatan Pegawai.	Jabatan Audit Dalam	3 Tahun Sekali (2023-2025)
PT 4	Mengadakan Sesi Kaunseling kepada Pegawai yang bermasalah kehadiran.	Unit Integriti	Mengikut keperluan (2023-2027)
PT 5	Memperketatkan tapisan pinjaman peribadi oleh Pegawai yang ingin memohon pinjaman.	Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan	Mengikut keperluan (2023-2027)
PT 6	Melaksanakan Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi kepada Pegawai yang mempunyai masalah keberhutangan yang serius.	Unit Integriti	2 tahun Sekali (2023-2027)
PT 7	Hukuman tatatertib yang lebih berat kepada Pegawai yang melakukan pelanggaran tatakelakuan atau salahlaku dalam pematuhan Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan & Tatatertib) Majlis Daerah Gombak 1995.	Unit Integriti	Sepanjang Tahun (2023-2027)
PT 8	Mengadakan kursus berkaitan pematuhan Kaedah 10 (2) Kaedah-Kaedah (Kelakuan dan Tatatertib) Pekerja Majlis Daerah Gombak 1995.	Unit Integriti	1 Tahun Sekali (2023-2027)

## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANISATION ANTI CORRUPTION PLAN (OACP)  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)  
2023 - 2027



<b>PT 9</b>	Mengadakan program kesedaran bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) bagi AKTA SPRM 2009 kepada semua Pegawai.	Unit Integriti	1 Tahun Sekali (2023-2027)
<b>PT 10</b>	Membuat Peringatan Integriti secara berkala	Unit Integriti	Sepanjang Tahun (2023-2027)

### BIDANG KEUTAMAAN 2 : PEROLEHAN DAN KEWANGAN

STRATEGI (S1)	Memperkasakan Pengurusan Kewangan Bagi Mengukuhkan Akauntabiliti Dan Integriti Dalam Perolehan Awam		
OBJEKTIF STRATEGIK (OS1)	Mempertingkatkan dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeliling berkaitan perolehan dan kewangan		
BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
<b>PT 1</b>	Mengkaji semula dan menambahbaik prosedur Pengurusan Perolehan Tender, Sebut Harga Dan Pembelian Terus	Jabatan Kontrak dan Ukar Bahan	2 Tahun Sekali (2023-2027)
<b>PT 2</b>	Melaksanakan Latihan yang komprehensif berkaitan Pengurusan Perolehan Kerajaan Bersama Jabatan Akauntan Negara Malaysia	Unit Dasar, Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun Sekali (2023-2027)
<b>PT 3</b>	Melaksanakan Naziran/ <i>Mystery Shopping</i> terhadap Proses Perolehan dan Kewangan	Jabatan Audit Dalam	3 Tahun Sekali (2023-2027)

**BIDANG KEUTAMAAN 3 : PENGUATKUASAAN DAN UNDANG-UNDANG**

<b>STRATEGI (S1)</b>	Memperkuatkuarkan Integriti Dan Kredibiliti Dalam Penguatkuasaan Undang-Undang		
<b>OBJEKTIF STRATEGIK (OS1)</b>	Memperkuatkuarkan Dan Memantau Tindakan Penguatkuasaan		
BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
<b>PT 1</b>	Mewujudkan sistem Jadual perancangan tugas/tindakan penguatkuasaan lebih efisien.	Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan	Mengikut Keperluan (2023-2027)
<b>PT 2</b>	Mengkaji semula dan menambahbaik prosedur Tindakan Penguatkuasaan dan Operasi.	Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan	3 Tahun Sekali (2023-2027)
<b>PT 3</b>	Melaksanakan Naziran/ <i>Mystery shopping</i> berkaitan Proses Tindakan Penguatkuasaan dan Operasi.	Jabatan Audit Dalam	3 Tahun Sekali (2023-2027)
<b>PT 4</b>	Melaksanakan Latihan yang komprehensif berkaitan Tindakan Penguatkuasaan dan Operasi Bersama dengan PULAPES	Unit Dasar, Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun Sekali (2023-2027)

## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANISATION ANTI CORRUPTION PLAN (OACP)  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)  
2023 - 2027



### BIDANG KEUTAMAAN 4 : PEMBANGUNAN DAN PERANCANGAN

<b>STRATEGI (S1)</b>	Memantapkan Kecekapan Dan Ketelusan Perancangan Dan Perkhidmatan Perbandaran Yang Mampan		
<b>OBJEKTIF STRATEGIK (OS1)</b>	Menambahbaik Sistem Kerja Dalam Usaha Penyampaian Perkhidmatan Yang Lebih Efisien		
BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
<b>PT 1</b>	Memperkasa penggunaan teknologi maklumat dalam Pengurusan Projek Awam.	Jabatan Teknologi Maklumat	Mengikut Keperluan (2023-2027)
<b>PT 2</b>	Melaksanakan Latihan yang komprehensif berkaitan Panduan Pengurusan Projek Awam	Unit Dasar, Jabatan Khidmat Pengurusan	3 Tahun Sekali (2023-2027)
<b>PT 3</b>	Melaksanakan Naziran/ Real time Audit berkaitan proses siap kerja.	Jabatan Audit Dalam	3 Tahun Sekali (2023-2027)
<b>PT 4</b>	Mengkaji semula dan menambahbaik prosedur Pengurusan Projek Awam.	Jabatan Bangunan, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Pusat setempat, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Lanskap	2 Tahun Sekali (2023-2027)

### 3.6 PIAGAM INTEGRITI MPS

VISI	Kearah Melahirkan Warga Majlis Perbandaran Selayang Yang Berintegriti Tinggi Dan Bebas Rasuah																
MISI	Memperkasakan Tadbir Urus, Integriti Dan Antirasuah Melalui Pengukuhan Bagi Pematuhan Terhadap Undang-Undang, Peraturan Serta Arahuan Yang Berkualkuasa																
MATLAMAT	Membudayakan Amalan Integriti Dalam Penyampaian Perkhidmatan Di Majlis Perbandaran Selayang																
BIDANG KEUTAMAAN	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">MATLAMAT</th> <th style="text-align: center;">PEROLEHAN DAN KEWANGAN</th> <th style="text-align: center;">PENGUATKUASA DAN UNDANG-UNDANG</th> <th style="text-align: center;">PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">STRATEGI (S)</td><td>           Memperkasakan Kompetensi Dan Integriti Dalam Tadbir Urus Yang Cemerlang         </td><td>           Memperkuatkukan Integriti Dan Kredibiliti Dalam Pengukuhan Aktauntabiliti Dan Integriti Dalam Perolehan Awam         </td><td>           Memantapkan Kecelakapan Dan Ketelusan Perancangan Dan Perkhidmatan Perbandaran Yang Mampu         </td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">OBJEKTIF STRATEGIK (OS)</td><td>           Memperkasakan Sistem Tadbir Urus Pengurusan Organisasi         </td><td>           Mempertingkatkan dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekilling berkaitan perolehan dan kewangan         </td><td>           Menambahbaik Sistem Kerja Dalam Usaha Penyampaian Perkhidmatan Yang Lebih Efisien         </td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">Pelan Tindakan (PT)</td><td>           PT10         </td><td>           PT3         </td><td>           PT4         </td></tr> </tbody> </table>	MATLAMAT	PEROLEHAN DAN KEWANGAN	PENGUATKUASA DAN UNDANG-UNDANG	PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN	STRATEGI (S)	Memperkasakan Kompetensi Dan Integriti Dalam Tadbir Urus Yang Cemerlang	Memperkuatkukan Integriti Dan Kredibiliti Dalam Pengukuhan Aktauntabiliti Dan Integriti Dalam Perolehan Awam	Memantapkan Kecelakapan Dan Ketelusan Perancangan Dan Perkhidmatan Perbandaran Yang Mampu	OBJEKTIF STRATEGIK (OS)	Memperkasakan Sistem Tadbir Urus Pengurusan Organisasi	Mempertingkatkan dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekilling berkaitan perolehan dan kewangan	Menambahbaik Sistem Kerja Dalam Usaha Penyampaian Perkhidmatan Yang Lebih Efisien	Pelan Tindakan (PT)	PT10	PT3	PT4
MATLAMAT	PEROLEHAN DAN KEWANGAN	PENGUATKUASA DAN UNDANG-UNDANG	PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN														
STRATEGI (S)	Memperkasakan Kompetensi Dan Integriti Dalam Tadbir Urus Yang Cemerlang	Memperkuatkukan Integriti Dan Kredibiliti Dalam Pengukuhan Aktauntabiliti Dan Integriti Dalam Perolehan Awam	Memantapkan Kecelakapan Dan Ketelusan Perancangan Dan Perkhidmatan Perbandaran Yang Mampu														
OBJEKTIF STRATEGIK (OS)	Memperkasakan Sistem Tadbir Urus Pengurusan Organisasi	Mempertingkatkan dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekilling berkaitan perolehan dan kewangan	Menambahbaik Sistem Kerja Dalam Usaha Penyampaian Perkhidmatan Yang Lebih Efisien														
Pelan Tindakan (PT)	PT10	PT3	PT4														

## BAB 4

# TADBIR URUS OACP MPS

- 4.1** Mekanisma Pelaksanaan
- 4.2** Mekanisme Penyelarasan,  
Pemantauan Dan Penilaian
- 4.3** Format Pelaporan OACP, MPS



### 4.1 MEKANISME PELAKSANAAN

Selaras dengan usaha untuk memastikan inisiatif antirasuah MPS dilaksanakan secara cekap dan sistematis, Unit Integriti MPS bertindak sebagai penyelaras Pelan Antirasuah (OACP) MPS yang berperanan memantau, menilai dan melaporkan pencapaiananya.

Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Negeri hendaklah berfungsi sebagai platform utama yang menerima laporan, membincangkan dan membuat keputusan dan memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif OACP sepertimana yang dinyatakan dalam perkara 6.1.8 – Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 tahun 2019 Pemantapan Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia : Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.

Bagi memantapkan sistem pemantauan pelaksanaan Pelan Antirasuah (OACP), MPS keterlibatan dan kerjasama yang menyeluruh daripada Pihak pengurusan tertinggi, warga kerja MPS, pelanggan dan pemegang taruh adalah penting agar OACP MPS bergerak seiring dengan NACP yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

**Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pembangunan OACP MPS hendaklah ditubuhkan dan melaksanakan tugas-tugas seperti berikut :**

#### **Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP,MPS**

Memastikan Pelan Tindakan dalam OACP dilaksanakan berdasarkan sasaran dan tempoh masa yang ditetapkan

Mengemukakan pelaporan pelaksanaan Pelan Tindakan secara suku tahun kepada Unit Integriti selaku Urus Setia Induk OACP.

### 4.2 MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

**Penyelaras OACP jabatan/ bahagian/ unit perlu melaksanakan pemantauan :**

- i. Membuat perbandingan pencapaian dengan sasaran
- ii. Membincangkan segala kekangan atau cabaran dalam Mesyuarat Pengurusan Bahagian/Unit
- iii. Menyediakan pelaporan kepada Unit Integriti pada setiap suku tahun.

**Unit Integriti selaku urus setia induk OACP MPS perlu melaksanakan penyelarasan seperti berikut :**

- i. Menasihati dan mengenalpasti penyelesaian terbaik untuk OACP
- ii. Melaporkan status pelaksanaan OACP setiap suku tahun kepada pengurusan tertinggi
- iii. Jabatan/ Bahagian / Unit melalui JAR Negeri mengemukakan laporan setiap suku tahun kepada Unit Integriti

**Penilaian terhadap keberkesanannya OACP hendaklah dilaksanakan dari masa ke semasa yang bertujuan untuk :**

- i. Mengenal pasti kelemahan dan kekuatan setiap pelan tindakan
- ii. Menilai sama ada pelan tindakan menyokong ke arah objektif yang ingin dicapai
- iii. Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan seperti yang dirancang
- iv. Memberikan maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan.

## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANISATION ANTI CORRUPTION PLAN (OACP)  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)  
2023 - 2027



### 4.3 FORMAT PELAPORAN OACP, MPS

JABATAN/BAHAGIAN /UNIT							
BIDANG KEUTAMAAN							
STRATEGI							
OBJEKTIF STRATEGI							
TARIKH LAPORAN							
BIL	PROGRAM/AKTIVITI	KUMPULAN SASARAN	PELAKSANA	TINDAKAN YANG DIMABIL	TARIKH PELAKSANAAN	CATATAN	

### 5. KESIMPULAN

Dalam usaha pemantapan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam sistem pengurusan pentadbiran, kerajaan telah merangka satu pelan khusus iaitu Pelan Antirasuah (NACP) 2019-2023 bagi menangani rasuah, integriti dan tadbir urus dalam negara ini.

Bagi menyahut dan mempelihatkan komitmen MPS dalam menyokong usaha kerja ini, MPS telah membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi bagi tempoh lima (5) tahun iaitu 2023-2027. OACP ini telah menggariskan inisiatif yang akan dilaksanakan oleh MPS sebagai mekanisme pengurusan pemantapan tadbir urus, integriti dan antirasuah.

Pembangunan OACP MPS merupakan komitmen MPS dalam memantapkan pengukuhan tadbir urus, integriti dan rasuah bagi membentuk organisasi yang bebas rasuah dan berintegriti tinggi. Justeru itu sebanyak 21 Pelan Tindakan melalui empat (4) bidang keutamaan yang telah digariskan oleh MPS.

Pelan ini juga sentiasa dipantau dan dikaji keberkesanannya dari masa ke semasa selaras dengan perubahan risiko yang dihadapi. Oleh itu kerjasama dan komitmen secara berterusan dari semua warga kerja MPS amat diperlukan bagi memastikan OACP MPS mencapat matlamat.

Dengan adanya OACP MPS ini, ianya diharapkan bakal mewujudkan satu budaya kerja yang berintegriti, antirasuah dan beretika kepada warga MPS khususnya. Perancangan seumpama ini hendaklah dilaksanakan dengan komitmen yang tinggi di semua peringkat bagi memastikan ianya tidak hanya sekadar teori semata-mata, tetapi berupaya memberi impak yang besar kepada penyampaian perkhidmatan awam di Malaysia.

# Penghargaan

Sekalung penghargaan dirakamkan kepada Pengurusan Tertinggi MPS , semua pihak dan individu yang terlibat di dalam pembangunan PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) MPS 2023-2027.

## **Penasihat Jawatankuasa OACP MPS 2023-2027**

TUAN MOHD YAZID BIN SAIRI S.I.S

## **Pengerusi Jawatankuasa OACP MPS 2023-2027**

TUAN IR. HAJI CHEREMI BIN HAJI TARMAN

S.I.S., A.I.S., P.P.T., P.M.C

## **Setiausaha Jawatankuasa OACP MPS 2023-2027**

ENCIK ROZAIHAN BIN RAMLI

## **Ahli JK Pembangunan OACP MPS 2023-2027**

1. Puan Su @ Noor Hafizah Binti Mohamad Lasim
2. Puan Suhaila Binti Abdul Hamid
3. Encik Khairil Anwar Bin Che' May
4. Encik Mohd. Aszzwir Bin Mohd. Sabiruddin
5. Puan Rohayu Binti Ramli
6. Ts. Hazrin Hazizi Bin Hussain Sabri
7. Encik Ahmad Fauzi Bin Ishak
8. Encik Zariman Bin Ibrahim
9. Puan Sr. Fazlin Mariam Binti Mustafa
10. Tuan Haji Mohd Syukri Bin Abdullah Zawawi
11. Tuan Lar. Syamsul Arif Bin Mahmud
12. Puan Rosmaliza Binti Osman
13. Puan Zuriati Binti Karia
14. Puan Khairina Binti Mohd Kardry
15. Puan Nur Fatihah Binti Mohd Zaki
16. Puan Noraswalzaha Binti Ibrahim
17. Puan Aisah Binti Zabari
18. Puan Siti Maisarah Binti Ab Rahman
19. Encik Abdul Majid Bin Hassan Ibrahim

## **Urus Setia**

1. Cik Noor Fifi Fadzira binti Roslan
2. Puan Nurul Adha Izzati bin Md. Zazuli
3. Cik Siti Zabaniah binti Ahmad



## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANISATION ANTI CORRUPTION PLAN (OACP)

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)

2023 - 2027

# *Catatan*



## MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03 - 6126 5800    Fax : 03 - 6138 8933

Tol Free : 1800 222 677

E-mel : aduanmps@mps.gov.my

- [www.mps.gov.my](http://www.mps.gov.my)
- [www.facebook.com/mpselayang](http://www.facebook.com/mpselayang)
- [www.twitter.com/mpselayang](http://www.twitter.com/mpselayang)
- [www.instagram.com/mpselayang](http://www.instagram.com/mpselayang)



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015  
REGISTRATION NO: QMS 01861



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013  
REGISTRATION NO: ISMS 00349